

PENGGUNAAN “MS SLIDER CARD” DALAM MENINGKATKAN KEFAHAMAN KESAN PERUBAHAN PENAWARAN WANG KE ATAS KESEIMBANGAN PASARAN DALAM KALANGAN PELAJAR KMPH.

¹Hong Huey Ling

²Norhidayah Binti Hamid

³Mohamad Syahrul Bin Kassim

⁴Nizam Haidzat Bin Ebna Kasim

Unit Ekonomi, Kolej Matrikulasi Pahang

¹hong@kmp.h.matrik.edu.my

ABSTRAK

Penguasaan konsep-konsep ekonomi merupakan langkah asas yang penting untuk pelajar mencapai keputusan yang baik dalam PSPM. Namun, terdapat sebahagian subtopik tidak dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar seperti kesan perubahan penawaran wang dalam Teori Kewangan Keynes. Maka, penggunaan MS Slider Card diperkenalkan supaya dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam subtopik tersebut. Oleh itu, pelajar kelas 4A16 seramai 15 orang dipilih sebagai sampel untuk melihat keberkesanan penggunaan MS Slider Card dan pelajar dibahagikan kepada 4 kumpulan. Ujian pra, pos dan temu bual dijalankan. Keputusan pra dan post menunjukkan peningkatan keupayaan pelajar menjawab soalan yang ketara dan hasil temu bual mendapati bahawa penggunaan MS Slider Card menyeronokkan pembelajaran, meningkatkan minat belajar, kefahaman konsep dan meningkatkan daya ingatan pelajar. Maka dipercayai bahawa penggunaan MS Slider Card perlu diperkenalkan kepada pensyarah lain sebagai alat bantu mengajar dalam kuliah.

Kata kunci: perubahan penawaran wang, MS Slider Card